

Rakaman penghargaan Mahathir pada Hussein

PRESIDEN baru UMNO Datuk Sri Dr. Mahathir telah membuat ucapan penangguhan di Perhimpunan Agung UMNO yang ke-32 yang merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Datuk Hussein Onn.

Ucapan yang sangat bernilai dan bererti ini, kita siarkan dengan sepenuhnya untuk para pembaca akhbar ini yang ingin menyimpannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat ucapan ini pada petang Ahad 28 Jun 1981. —
Pengarang.

SEPATUTNYA saya tidak membaca ucapan saya pada hari ini. Sepatutnya saya berasa riang gembira hingga tidak ada tempat lagi bagi

diisi dengan perasaan lain. Setelah menyertai politik UMNO hampir 36 tahun, saya telah sampai ke tempat ini.

Tetapi perasaan gembira ini tidak dapat menutup perasaan duka, kerana untuk sampai ke tempat ini, tempat ini perlu dikosongkan terlebih dahulu.

Di dalam pengalaman politik diri saya, selalunya ada orang yang lebih tinggi dari saya untuk saya buat rujukan, untuk tempat saya bersandar, untuk payung mencari perlindungan, bahkan ada masanya untuk saya mengelakkan diri saya dari dipersalahkan. Selama hampir enam tahun saya telah secara langsung atau tidak, secara sedar atau tidak, secara sengaja ataupun tidak, berlinggung di belakang ketua saya, Datuk Hussein Onn, Presiden UMNO.

Tetapi hari ini saya tidak lagi boleh berbuat demikian, beban saya adalah beban saya, dan beban orang lainpun akan menjadi beban saya.

Tidak ada gunanya saya bersifat hipokrit dan tidak mengaku bahawa saya berbangga dengan jawatan ini.

Tetapi yang lebih saya banggakan ialah sikap kerelaan YAB Datuk Hussein Onn dalam tindakannya menarik diri dari menjadi Presiden UMNO, satu jawatan yang terpenting di dalam negara, satu jawatan yang mempunyai begitu banyak implikasi, satu jawatan yang mungkin menjadi idaman ramai. Saya tidak payah sebut apa diaanya implikasi ini. Saya tahu, saudara saudari juga tahu dan Datuk Hussein lebih mengetahu.

Tekanan

Biasanya tidak mudah bagi seseorang itu untuk melepaskan tempat yang sebegitu penting. Biasanya pemegang jawatan itu akan cuba mengekalkan jawatannya, ataupun sekurang-kurangnya mengekalkan pengaruhnya ke atas jawatan tersebut. Biasanya juga percubaan dibuat untuk mewujudkan satu dinasti.

Jika jawatan yang seperti ini pentingnya dilepaskan biasanya ada pula orang yang cuba memaksakan pelepasannya. Ada tekanan dan paksaan dari pihak-pihak tertentu supaya mengundur diri. Di banyak negara keadaan ini menjadi begitu jelas dan terbuka sehingga menjadi buah mulut ramai orang dan bahan rencana akhbar di dalam dan luar negeri sebelum timbul kesedaran bahawa seorang pemimpin itu sudah sampai masanya untuk berundur.

Tetapi sungguhpun kesedaran wujud, pemimpin biasanya mencari bermacam-macam helah untuk tidak mengundurkan diri.

Akhirnya bila sudah tidak ada jalan lain baginya melainkan mengundurkan diri, maka diaanya mengemukakan calon pilihannya, calon dari keluarga atau dari orang kesayangannya yang tertentu sebagai alternatif.

Maka walaupun tentangan dan rusuhan berlaku, pemimpin seperti itu masih memaksakan juga pemilihan pengganti adalah mengikut yang

ditunjukkannya. Malah lahir perasaan kecewaan melainkan bag yang mempunyai kepentingan sendiri.

Kita bersyukur dan berbahagia di negara ini. Sudah dua pemimpin yang mengundurkan diri dengan sendirinya. Dahulu YTM Tunku Abdul Rahman dan kali ini YAB Datuk Hussein Onn.

Kedua-duanya tidak memaksa kita menerima pengganti yang dipilih oleh mereka.

Allahyarham Tun Abdul Razak menggantikan YTM Tunku, kerana Allahyarham Tun adalah diakui oleh semua pihak di dalam UMNO mahupun di luar UMNO sebagai bakal penggantinya.

Kesedaran

Ada orang-orang yang dianggap lebih dekat dan mungkin lebih disayangi oleh Tunku Abdul Rahman dan ada yang berpendapat bahawa orang-orang inilah yang patut mengambilalih tempat Tunku apabila ia bersara dari parti tetapi YTM Tunku tidak cuba untuk menunjuk orang-orang ini.

Di atas kesedaran beliau bahawa UMNO dan rakyat sudah mengangap Tun Abdul Razak sebagai orang yang paling layak menggantikannya, maka Tun Razaklah yang ditunjuk sebagai penggantinya oleh Tunku, UMNO pula sebulat suara merestui

pemilihan ini.

Kali ini adalah giliran YAB Datuk Hussein.

Sesungguhnya YAB Datuk Hussein boleh dengan mudah menepikan perwakilan UMNO. Jika beliau meletakkan jawatannya pada tahun lalu ataupun pada tahun hadapan, mesyuarat agung UMNO tahun ini tidak mungkin berpeluang membuat pilihan pengganti beliau dan pengganti bagi lain-lain jawatan yang dikosongkan.

Jika perletakan jawatan beliau dibuat pada tahun lalu dan jawatan Timbalan Perdana Menteri dipilih oleh beliau sendiri maka ini akan menjadi satu 'fait accompli' yang sukar untuk UMNO menolak.

Tetapi YAB Datuk Hussein tidak melakukan demikian. Di sebaliknya beliau membuat keputusan untuk mengundurkan diri dari pucuk pimpinan parti dan menarik diri daripada dicalonkan semula, sebelum perhimpunan agung kita kali ini. Ini telah memberikan ahli-ahli UMNO haknya untuk menentukan barisan pemimpin dan pengganti beliau sebagai Presiden.

Saya, dan saya yakin kita semua, tentu berbangga dan bersyukur dengan sifat yang jujur

nar-benar mahu bertanding tetapi calon untuk mengujipun tidak ada.

Namun demikian tentulah ada ahli-ahli yang tidak menyokong pencalonan saya tetapi tidak berpeluang menyatakan pendirian mereka.

Saya sedar dan saya insaf bahawa saya tidak mungkin dapat sokongan seratus peratus — dan kesedaran ini akan menentukan saya tidak akan lupa daratan. Walaupun tindakan YAB Datuk Hussein jelas demokratik tetapi ada di antara kita yang berpendapat demi mengelak berlakunya kempen yang tidak sihat di dalam parti, adalah lebih baik jika pengganti Presiden ditunjuk oleh YAB Datuk Hussein dan begitu juga pemegang-pemegang bagi lain jawatan.

Saudara-saudari sekelian;

UMNO sering kali menyuarakan hasrat untuk menguasai kerajaan, dan tidak suka kerajaan menguasai parti.

Jika Perdana Menteri yang menentukan jawatan-jawatan di dalam UMNO, dan membelakangkan kehendak perhimpunan agung parti, tentulah ini bermakna kerajaan menguasai parti. Ada yang mengatakan bahawa jikalau Perdana

jak jika UMNO tidak diberikan hak ini untuk mengelakkan UMNO dari berpecah belah.

Saudara-saudari sekelian;

Sungguhpun keputusan dibuat oleh YAB Datuk Hussein, tetapi saya juga mempunyai pendapat yang menyokong keputusan itu. Nasihat saya, saya percaya, tidak bercanggah dengan amalan dan adat UMNO.

Sungguhpun dahulu Perdana Menteri menentukan Timbalan Perdana Menteri tetapi keadaan pada masa itu berlainan.

Sekarang kita mempunyai dua tokoh yang

sama berazam, sama gagah. Pemilihan manamana satu oleh Perdana Menteri tetap akan mengecewakan yang satu lagi dan penyokong-penyokongnya.

Sebaliknya adalah menjadi amalan UMNO apabila ditentukan sesuatu, maka semua ahli akan merapatkan semula barisan, bersatu dan akan terus berjuang. Saya percaya UMNO berpengalaman menghadapi krisis yang lebih dahsyat di satu masa dahulu.

Dewan ini telah bergema dengan berbagai tuduhan, tetapi selepasnya barisan UMNO dirapatkan semula dan

dalam jawatan-jawatan tertentu di dalam UMNO. Tidak ada benci atau irihati di dalam pertandingan ini.

Untuk mengabdikan diri kepada parti, nafsu tidak harus mempunyai tempat. Mereka yang bertanding, kalah atau menang, tetap akan menetapkan semula barisan kepimpinan dan akan memberi khidmat yang sepenuhnya.

Sikap dan pendirian ini mestilah dicerminkan juga oleh penyokong-penyokong. Tidak ada tempat dalam pertandingan ini untuk terlalu gembira kerana kemenangan atau perasaan muram dan kecewa kerana kekalahan.

Semua penyokong kesemua calon hendaklah melupakan sahaja segala tuduhan dan kata-kata pedih yang dikeluarkan dan didengari di masa gelora kempen sedang berlaku. Semua kita patut berikrar akan merapatkan semula barisan dan menentukan bahawa kekuatan parti tidak terjejas kerana proses demokrasi yang kita amalkan.

Kita masih mempunyai banyak kerja yang hendak diselenggarakan. Pemimpin-pemimpin UMNO yang lepas telah meletakkan asas yang kukuh dalam memperjuangkan cita-cita

48
pemimpin dan ahli-ahli UMNO di semua peringkat, tiap-tiap seorang dari mereka.

Saya berharap, bahawa sesudah selesainya pemilihan pemimpin parti dibuat, kita semua akan lupakan segala kata-kata dan tindakan yang telah kita buat di waktu pemilihan, dan sebaliknya kita memperingatkan diri kita tentang perjuangan UMNO dan perpaduan yang diperlukan.

Sebagai sebuah parti yang demokratik, sebagai orang yang menerima konsep demokrasi marilah kita terima semua keputusan dengan semangat demokrasi.

Tidak ada orang yang menang dan tidak ada orang yang kalah di dalam pertandingan di dalam UMNO.

Penerimaan keputusan proses demokrasi adalah kemenangan bagi UMNO. Sebaliknya penolakan keputusan yang telah kita buat adalah satu kegagalan bagi UMNO. Apakah kita mahu UMNO kalah jika kita betul-betul berjaya UMNO.

Malaysia dan orang Melayu mempunyai masa hadapan yang betul-betul berpotensi. Namun demikian untuk mendapat hasil yang sepenuhnya dari potensi

dan benar-benar demokratik yang ada pada YAB Datuk Hussein. Saya lebih bersyukur lagi kerana cara pengunduran YAB Datuk Hussein bukan sahaja memberi peluang kepada saya memegang jawatan Presiden tetapi juga membolehkan saya menguji setakat mana saya diterima oleh UMNO.

Saudara-saudara juga berpeluang untuk mengingatkan saya tentang sokongan yang saya terima darinya supaya saya insaf.

Parti boleh mengadakan pertandingan walaupun secara bermakna ataupun tidak.

Jika parti hendak menguji semata-mata maka calon yang tidak layak boleh dijadikan proksi dan kita akan dapat lihat berapa banyaknya undi protes dari parti. Tetapi jika parti serius dalam mempertikaikan kelayakan bakal pemimpin, maka cabaran dibuat oleh calon yang layak dan persaingan yang benar-benar akan berlaku. Saya bersyukur kerana kali ini bukan sahaja tidak ada calon yang be-

Menteri yang menentukan jawatan-jawatan maka UMNO dengan senang-lenang akan menerimanya.

Tetapi kita harus menoleh ke belakang. Apakah perasaan bagi orang yang tidak dipilih olehnya. Apakah pula perasaan penyokong bagi orang yang tidak dipilih itu.

Memanglah dalam keadaan adanya dua atau lebih tindakan yang boleh diambil. Apabila satu tindakan dipilih maka orang akan hanya nampak keburukan dari yang dipilih itu, dan kebaikan bagi tindakan yang tidak dipilih.

Ada orang yang berkata jika Perdana Menteri yang menentukan jawatan-jawatan di dalam UMNO, ahli-ahli tetap akan menerimanya.

Kata-kata ini dipertanyakan kerana kita tidak berbuat demikian. Saya yakin jika Perdana Menteri berbuat demikian, akan timbul pula kecaman yang hebat kerana UMNO sudah dibelakangkan.

Penilaian

Oleh kerana penilaian dibuat untuk memberi UMNO haknya maka ada pula yang berkata bahawa adalah lebih bi-

UMNO telah mendapat kejayaan yang luar biasa. Saya yakin sesudah pilihan jawatan-jawatan yang baru sahaja selesai dilakukan, UMNO akan sekali lagi merapatkan barisannya dan tetap bersatu

Semua pemimpin yang bertanding untuk semua jawatan adalah orang-orang yang berjiwa UMNO.

Tidak ada yang kurang UMNO dari yang lain.

Pengakuan

Soal dari wilayah mana kita datang tidak timbul. Yang kita pilih ialah pemimpin-pemimpin nasional.

Di dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO pada 14 Jun, semua calon telah memberikan pengakuan bahawa kalah atau menang tidak akan memberi kesan terhadap dedikasi untuk berkhidmat di dalam UMNO.

Mereka juga bersetuju akan menerima perlantikan sebagai ahli Majlis Tertinggi. Di mana berkenaan mereka juga memberi pengakuan tidak akan memisah diri dari kerajaan yang didokong oleh UMNO. Pendek kata mereka bukan merebut jawatan di dalam UMNO, tetapi cuma bertanding untuk peluang berkhidmat

dan matlamat UMNO. Mereka juga telah menjayakan berbagai dasar dan rancangan ke arah mencapai matlamat UMNO.

Adalah menjadi kenyataan bahawasanya sebahagian dari matlamat UMNO telahpun dicapai. Namun perjuangan UMNO tidak akan berakhir.

Selagi ada UMNO selama itulah tugas yang hendak dilaksanakan untuk memperbaiki kedudukan orang Melayu, untuk bumiputera, untuk agama dan tanahair, akan berterusan.

Hari ini saya dipilih sebagai pengganti YAB Datuk Hussein, sebagai Presiden kepada Parti UMNO. Bagi saya ini bukan sahaja satu penghormatan dari parti yang telah saya anuti sejak ianya ditubuhkan pada tahun 1946, parti yang

tidak berbelah bagi taat setia yang saya tumpukan kepadanya, tetapi bagi saya ini adalah satu amanah dan tanggungjawab yang besar.

Saya sanggup memberi semua tenaga dan fikiran saya kepada UMNO selagi saya dikehendaki berkhidmat dengannya. Dalam pada itu saya memerlukan sokongan dan bantuan dari rakan-rakan saya di dalam Majlis Tertinggi dan dari pemimpin-

itu, sebuah kerajaan yang adil, kuat dan stabil adalah diperlukan.

UMNO memang telah mendirikan kerajaan yang adil, kuat dan stabil sehingga kini. Saya berharap rekod UMNO ini dapat dikekalkan setelah saya dipilih menjadi pemimpinnya.

Khidmat saya sahaja tentulah tidak mencukupi untuk mengekalkan kekuatan UMNO sebagai kerajaan. Untuk maksud ini saya memerlukan sokongan yang tidak berbelah bahagi dari semua pihak dalam UMNO, dari semua negeri, bahkan semua bahagian dan cawangan. Kejayaan UMNO adalah kejayaan kita semua, bukan kejayaan seorang dari kita sahaja, walaupun hanya seorang sahaja dari kita yang menjadi Presiden parti.

Oleh itu marilah kita berikrar semula akan taat setia kita kepada parti dan kesanggupan kita berkorban untuk parti, untuk agama, bangsa dan tanahair.

Sekali lagi ingin saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kerana diberi kepercayaan untuk memimpin parti kita, UMNO. Saya pohon taufik dan hidayah dari Allah S.W.T. mudah-mudahan UMNO di bawah pimpinan saya akan berialan

baik seperti UMNO di bawah pemimpin Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Datuk Hussein. Mudah-mudahan saya akan dapat menyerahkan UMNO kepada pemimpin yang akan datang dalam keadaan kukuh dan berpadu seperti mana yang telah saya terima.

Inilah doa saya kepada Tuhan Rab-bulalamin dan inilah juga yang saya pohon saudara-saudari doakan bersama. Kita akan bekerja, dan bekerja kuat di samping kita menyerahkan kepada Ilahi. Sebenarnya perjuangan kita di dalam parti adalah sebahagian dari ibadah kita untuk kebaikan agama, bangsa dan negara. Semoga Allah yang maha kuasa merestui perjuangan kita.

Kepada YAB Datuk Hussein sekali lagi saya ingin menyampaikan terima kasih kerana memudahkan proses penukaran kepimpinan di dalam parti. Di dalam dunia yang mana pemimpin sukar mengundur diri tanpa paksaan, sikap Datuk Hussein tentulah disanjung tinggi.

Kita di dalam UMNO bahkan negara berbangga dengan sikap negarawan Datuk Hussein. Sejarah akan mencatatkan peristiwa ini sebagai satu peristiwa yang dimuliakan dan dihormati.

Bagi pihak UMNO dan ahli-ahlinya di semua peringkat izinkanlah saya mendapat penghormatan ini untuk merakamkan perasaan kita bersama akan rasa kehilangan kita di atas pengunduran seorang pemimpin yang kita kasihi; seorang negarawan yang telah menyumbangkan jasanya kepada negara.

Seorang ketua yang terkenal dengan sifat-sifat tegas, jujur dan berdisiplin dan seorang Presiden yang mempunyai imejnya yang tersendiri di dalam UMNO. Kita sama-sama doakan supaya YAB Datuk Hussein dan Yang Berbahagia Datin Suhailah dan keluarga beliau

akan terus dilimpahkan rahmat dan kesejahteraan oleh Allah S.W.T. dan dipenuhi dengan sepenuh kebahagiaan. Kepada Allah kita pohonkan supaya kesihatan Datuk Hussein akan terus bertambah baik.

Kepada Y A B Datuk Hussein saya meletakkan harapan supaya masih bersedia memberikan kesempatan kepada saya nanti untuk dapat terus menghubungi dan menemui beliau dari masa ke masa.

Saya percaya kekeyakinan pengalaman yang ada pada Datuk Hussein sebagai seorang negarawan akan dapat memainkan peranan penasihat yang berguna selaku abang tua kepada kita.

Saudara-saudari; Kita baru sahaja selesai menghadiri satu perhimpunan yang bersejarah bagi UMNO. Kita dapat berbangga di atas

sejarah yang sama-sama kita ciptakan ini. Kita telah dapat membuktikan kepada dunia betapa berdisiplinnya ahli-ahli dan parti kita.

Walaupun kita menghadapi saat-saat penting untuk menentukan pemimpin parti, kita telah melaksanakannya dengan penuh disiplin dan kematangan, dengan penuh sopan dan santun hinggakan pengundian dapat berjalan dengan penuh tertib dan teratur. Di sinilah kekuatan UMNO, kekuatan kita bersama.

Kita akan kembali ke tempat masing-masing selepas perhimpunan ini ditangguhkan. Walaupun kita akan kembali ke tempat masing-masing tetapi saya yakin dari segi semangat dan arah perjuangan kita tetap bersatu dan menuju arah matlamat yang sama. Sekali lagi saya mengucapkan selamat berjuang. MAJU dan TERUS MAJU